

30/10/2002

Pusat Realiti Maya majukan kandungan tempatan

Hizral Tazzif Hisham

PUSAT Realiti Maya Koridor Raya Multimedia (MSCVRC) yang dikendalikan Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC) kini menjadi tempat untuk pembangunan kandungan tempatan apabila terbabit dalam empat projek khas merangkumi pemuliharaan warisan sejarah, pelancongan ekologi, pengurusan banjir dan teleperubatan.

Pusat berkenaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena persidangan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) pada September lalu, menyediakan kemudahan super komputer untuk memudahkan proses penukaran data mentah kepada bentuk multimedia.

Naib Presiden Multimedia Kreatif MDC, Kamil Othman, berkata dengan adanya MSCVRC maka Malaysia melangkah maju setapak lagi, terutama dalam bidang teknologi tinggi apabila data yang ada kini boleh diubah ke dalam bentuk multimedia.

"Apa yang penting ialah ketepatan data diperlukan untuk menggambarkannya dalam bentuk multimedia.

"Ketika ini, beberapa projek seperti sejarah Melaka, Gua Mulu, pengurusan banjir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan teleperubatan," katanya kepada Berita Komputer di Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata, bagi projek sejarah Melaka ia membabitkan pembentukan kota Melaka bersama suasana pada zaman berkenaan. Projek berkenaan memerlukan data tepat mengenai keadaan kota Melaka dan persekitarannya.

"Projek Gua Mulu yang akan dilaksanakan kerajaan Sarawak dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak membabitkan gambar Gua Mulu terutamanya ruang Sarawak (Sarawak chambers). Pengguna boleh melihat dan merasai pengalaman memasuki Gua Mulu secara elektronik," katanya.

Kamil berkata, bagi projek teleperubatan, Universiti Malaya sedang membangunkan aplikasi yang membolehkan pakar bedah menstruktur semula tengkorak muka yang mengalami kecederaan di samping berlatih untuk melaksanakan pembedahan berkenaan sebelum pembedahan sebenar bermula.

Beliau berkata, Pusat MSCVRC sebenarnya boleh dimanfaatkan pelbagai sektor industri dan agensi kerajaan untuk melaksanakan pelbagai program dan aplikasi yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Perancang bandar misalnya, boleh membuat model bandar raya secara virtual untuk mengkaji keberkesanan sistem jalan raya atau perparitan didirikan," katanya.